



## LAPORAN INDIVIDU

KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL UNTUK GURU (PGT 203)

PEMENTASAN TEATER KISAH DONGENG DAN CERITA RAKYAT MALAYSIA

TAJUK TEATER : BIDASARI

TARIKH: 30 MAC 2019

## KUMPULAN 3 UNGGUL

NAMA : MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

NOMBOR MATRIK : 142591

ANJURAN:

KUMPULAN KURSUS PGT 203

KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL UNTUK GURU

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

## **1.0 NAMA DRAMA**

Kisah Dongeng dan Cerita Rakyat Malaysia 'Bidasari'

## **2.0 SINOPSIS DRAMA BERDASARKAN PEMAHAMAN SENDIRI**

### **2.1 SINOPSIS**

Bidasari merupakan gadis yang mempunyai semangat jelmaan ikan emas dimana sekiranya berlaku sesuatu yang boleh menyebabkan kematian kepada ikan emas itu, maka nyawa Bidasari juga turut terkesan. Keadaan ini berlaku apabila Maimah iaitu ibu kandung Bidasari telah meletakkan sumpah kepada Bidasari akibat keberatan untuk melepaskan anaknya itu atas kehendak suaminya sendiri iaitu Saidin kerana mereka terpaksa melepaskan anak yang baru dilahirkan itu kepada jirannya iaitu Zainab akibat tindakan Saidin yang berhutang dengan Along tetapi tidak mampu untuk membayar balik hutang tersebut. Bidasari membesar dengan baik dan penuh kegembiraan atas jagaan ibu bapa angkatnya.

Walaubagaimanapun, kehidupan Bidasari berubah menjadi kesengsaraan apabila dia mula menjak kaki dan berkerja di syarikat Dato Johan Shah. Sepanjang Bidasari bekerja di syarikat Dato Johan Shah, dia telah diseksa dengan teruk dan dikurung oleh Datin Laila Sari tanpa belas kasihan. Hal ini berpunca daripada sifat cemburu dan buruk sangka isteri Dato Johan Shah iaitu Datin Laila Sari serta ditambah pula dengan hasutan daripada setiausaha Dato Johan Shah iaitu Zara yang telah memporak perandakan lagi situasi itu. Disamping itu, semasa Zara sedang mereka fitnah dan bersempbang dengan Datin Laila Sari, perbualan mereka didengari oleh tukang sapu di syarikat Dato Johan Shah iaitu Mak Kiah. Lantaran itu, Mak Kiah yang berasa kesian terhadap Bidasari menolong Bidasari untuk membalas dendam kepada Datin Laila Sari dengan cara meminta bantuan daripada Nenek Kebayan agar dapat memisahkan dan menghancurkan hubungan antara Datin Laila Sari dengan Dato Johan Shah. Hasutan demi hasutan daripada Nenek Kebayan akhirnya menyebabkan Dato Johan Shah menampar dan melepaskan talak tiga kepada Datin Laila Sari. Justeru itu, kita mestilah ingat sentiasa agar tidak berburuk sangka tanpa mengetahui perkara sebenar dan menganiaya kepada orang lain kerana setiap perbuatan jahat kita sudah pasti akan dibalas balik lambat ataupun cepat.

### **3.0 KEKUATAN PEMENTASAN TEATER**

#### **3.1 Setiap ahli kumpulan memberikan komitmen dan kerjasama yang baik**

Perkara ini dapat dilihat ketika persediaan awal kumpulan kami iaitu kumpulan 3 Unggul telah membuat persediaan yang awal apabila mendapat tugas yang telah diberikan oleh ketua pengarah teater kami dengan membahagikan tugas mengikut kebolehan masing masing. Apabila tugas dibahagikan iaitu yang terdiri daripada pelakon-pelakon, multimedia dan juga prop dapat kami membuat persediaan awal untuk pementasan nanti. Kumpulan kami mendapat tajuk cerita mitos iaitu ‘Bidasari’ dimana setiap ahli bertungkus-lumus serta memberikan komitmen sepenuhnya ekoran setiap ahli kumpulan kami menghadiri setiap latihan yang telah diadakan dengan kehadiran yang penuh serta kerjasama yang diberikan semasa membuat latihan lakonan ini. Selain itu, semasa latihan lakonan semua ahli bersama-sama memainkan peranan masing-masing dengan bersungguh-sungguh dan menjiwai setiap watak perwatakan karakter yang ada di dalam skrip bagi memberikan hasil yang terbaik untuk pementasan nanti.

#### **3.2 Setiap ahli kumpulan sanggup berkorban masa dan tenaga sepanjang latihan**

Sebelum hari pementasan teater berlangsung kumpulan kami telah mengadakan latihan setiap hari selama 2 minggu berturut-turut. Latihan bermula pada 8.30 malam dan berakhir pada 12.00 tengah malam dan kadangkala kumpulan kami membuat latihan sehingga 2.30 pagi. Ekoran latihan yang kuat dan komitmen setiap ahli dalam menyumbangkan tenaga dan komitmen masing-masing dengan membawa watak-watak di dalam cerita ini telah membawa kepada kerjasama yang baik dalam kumpulan. Walaupun dengan latihan berterusan setiap ahli kumpulan tidak merungut dan dapat hadir penuh setiap latihan walaupun ada sesetengah ahli kumpulan kami yang jatuh sakit.

#### **3.3 Penggunaan tempat latihan**

Kebanyakkan tempat latihan kami adalah bertempat di DK U yang memberikan kelebihaan kepada kumpulan kami dalam penggunaan pentas dimana kumpulan kami dapat menu sun atur kedudukan pelakon, susun atur prop, “lightning”, “sound effect”, cara masuk pentas dan cara

keluar pentas. Dengan ini kumpulan kami dapat menunjukkan pergerakan dan persembahan yang baik dan sesuai semasa pementasan.

#### **4.0. KELEMAHAN PEMENTASAN TEATER**

##### 4.1 Kostum dan prop yang digunakan tidak sesuai dan memuaskan hati kami

Antara kesilapan terbesar kami adalah kami tidak menekankan kepada pemilihan kostum untuk setiap pelakon. Sebelum pementasan setiap pelakon-pelakon yang terlibat perlu mencari sendiri pakaian mereka yang menyebabkan pakaian yang dipakai tidak bersesuaian dan menepati citarasa yang sesuai dengan watak yang dimainkan. Selain itu, kumpulan kami juga telah menyediakan banyak prop pada awalnya tetapi terpaksa dibuang disebabkan oleh masa yang dibazirkan untuk membawa masuk dan keluar prop tersebut kerana akan menyebabkan persembahan teater kami menjadi tidak lancar dan merugikan masa persembahan kami.

##### 4.2 Penggunaan tempat yang tidak sesuai untuk pementasan teater

Kelemahan seterusnya dalam pementasan teater ini adalah penggunaan tempat semasa persembahan teater iaitu bertempat di Dewan Kuliah U. DK U ini tidak sesuai untuk pementasan teater disebabkan oleh pentasnya yang tinggi yang akan menghalangkan pergerakan. Selain itu, dari segi pencahayaan pula tidak sesuai kerana lampu di DK U ada yang tidak berfungsi dan rosak yang menyebabkan perjalanan pementasan teater itu menjadi kurang menarik. Kumpulan kami terpaksa memikirkan cara terbaik untuk memberikan kesan pencahayaan yang mampu memantapkan lagi persembahan kami.

#### **5.0. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**


Untuk memastikan pementasan teater ini berjalan dengan lebih lancar dan jayanya bagi masa akan datang, penambahan dari semasa ke semasa perlulah dilakukan. Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan telah disenaraikan sebagai usaha untuk menambahbaikkan kualiti pelaksanaan teater ini pada masa akan datang.

Antaranya ialah memberikan tempoh masa yang lebih lama bagi membuat latihan dan persediaan untuk pementasan teater ini. Hal ini disebabkan oleh kesuntukan masa bagi mengelakkan dari bertembung dengan bulan ramadhan. Oleh itu kami terpaksa berkorban masa sehingga lewat pagi untuk membuat latihan.

Selain itu, bagi saya sendiri yang merupakan seseorang yang memegang watak utama seharusnya dapat memegang watak tersebut dengan menghayati dan menjiwai sepenuhnya watak tersebut dengan lontaran suara, emosi dan pergerakan yang baik bagi memantapkan lagi persembahan. Bukan semua orang dapat menghayati watak yang dipegang dengan baik akan tetapi dengan latihan yang kerap mampu membuatkan lakonan seseorang itu menjadi lebih baik lantaran pelakon perlu menuruti setiap teguran dan nasihat daripada pengarah teater bagi memastikan lakonan tersebut menjadi satu karya yang baik. Cadangan seterunya, penggunaan tempat pementasan iaitu Dewan Kuliah U tidak sesuai bagi pementasan teater. Hal ini dikatakan demikian kerana pentas yang digunakan terlalu tinggi dari tempat penonton dan kebanyakkann lampu pentas di DK U tidak dapat berfungsi dan rosak. Bagi saya untuk pementasan teater sesuai di Dewan Budaya di USM.

## 6.0 GAMBAR

### 6.1 SEBELUM PEMENTASAN



## 6.2 SEMASA PEMENTASAN



## 6.3 SELEPAS PEMENTASAN



## **7.0 REFLEKSI**

### **7.1 REFLEKSI DIRI**

Saya Mohamad Nur Irfan bin Mat Noor (142591) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah dan penyelaras subjek ini, Dr.Muhammad Zuhair Bin Zainal yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat, serta dorongan sepanjang usaha saya dan ahli kumpulan menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan bantuan kewangan kepada saya serta kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar dalam sama-sama menyiapkan tugas pementasan teater ini.

Sepanjang tugas ini saya diberi peluang untuk menjadi pelakon watak utama, jadi saya berpeluang belajar untuk menjawai dan melatih diri menjadi pelakon dengan peranan dan bebanan yang besar dalam membawa watak karakter yang diingini di dalam cerita ini. Sepanjang melakonkan watak utama ini, terdapat cabaran nya yang tersendiri , namun banyak pengalaman dan ilmu yang dapat saya pelajari seperti menggunakan intonasi suara dengan sesuai, menggunakan reaksi muka dan emosi yang tepat dan melatih diri menjadi lebih berkeyakinan serta sentiasa bersabar.

Dari segi tugas dibelakang pentas teater , saya dapat mempelajari ilmu pengetahuan yang baharu dalam ilmu multimedia dan penyedian prop. Hal ini dikatakan sedemikian kerana saya juga turut serta sepanjang tempoh persediaan multimedia seperti mengedit poster dan video trailer, membuat muzik latar yang sesuai dan mencari gambar-gambar yang sesuai untuk latar belakang semasa pementasan. Disamping itu, saya juga turut memainkan peranan semasa membuat persiapan prop bersama-sama ahli kumpulan saya, dimana saya dapat mempelajari perkara baharu lantaran menjadikan saya lebih kreatif untuk membuat sesuatu benda.

Akhir kata , tugas ini amat memberi manfaat kepada saya dan ahli-ahli yang lain kerana kami telah di dedahkan tentang ilmu pementasan teater yang merupakan sesuatu yang baharu bagi kami semua yang tidak mempunyai sebarang pengalaman dan pengetahuan mengenai teater selama ini serta mampu melatih kami menjadi lebih berani dan yakin semasa berdepan dengan khalayak ramai.

## **7.2 REFLEKSI RESPONDEN 1**

### **MOHAMAD SAIFULLAH BIN MOHD YUNUS (142562)**

Alhamduliah , rasa syukur saya dapat ucapan selepas tamatnya pementasan teater.Sekali lagi ingin mengucapkan rasa syukur kerana dapat melaksanakan pementasan teater dengan jayanya.Sebenarnya,pementasan teater ini banyak membantu dalam saya berkomunikasi dengan lebih baik dari sebelum ini. Sebelum ini saya seorang yang pendiam dan selepas mengenali satu sama lain dalam ahli kumpulan dapat meningkatkan komunikasi saya

Selain itu, saya juga belajar cara menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Contohnya, dalam lakonan terdapat pelbagai situasi. Oleh itu, saya perlu menyesuaikan diri dengan membawa watak sesuai dengan situasi. Ini telah memberi satu pembelajaran di mana sebagai seorang guru, mereka perlu bersedia dari mental dan fizikal untuk melayan kerena pelajar-pelajar di sekolah kerana lain pelajar lain kerena mereka. Oleh itu, dengan wujudnya pementasan teater ini, maka seseorang itu mampu belajar cara untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi dan akan muncul guru bukan sekedar mengajar akan tetapi mempunyai pelbagai kemahiran.

Pementasan teater juga telah menambahkan kemahiran bercakap di khalayak ramai. Hal ini melatih untuk menjadi seorang guru kelak.Apabila dapat bercakap di hadapan orang ramai dapat lagi menambahkan keyakinan diri.

Pementasan teater ini telah memberikan saya peluang untuk saya lebih mengenali dan lebih akrab dengan ahli kumpulan saya yang sebelum ini saya tidak pernah melakukan pementasan dengan mereka. Tugasan ini juga telah memupuk sikap kerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain kerana ahli kumpulan saya telah bertungkus-lumus mencari bahan, idea dan sebagainya bagi menjayakan pementasan teater kami.Begitu lah nanti apabila menjadi seorang guru kita seharusnya berkejasama dengan guru lain untuk menjayakan sesuatu.

### **7.3 REFLEKSI RESPONDEN 2**

#### **NUR SARAH BINTI ROSMAN (139665)**

Pementasan drama yang dijalankan telah banyak membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi saya. Saya merupakan seorang yang takut untuk berdiri dan bercakap di hadapan orang ramai, tetapi setelah berada di dalam kelas ini, saya tidak lagi berasa kekok dan gemuruh. Saya turut boleh bergaul dengan baik dengan semua pelajar walaupun dari kursus yang berbeza dan segala persepsi saya hilang setelah bergaul dengan mereka. Pementasan drama ini bukan sahaja dijalankan bagi memenuhi keperluan kursus tetapi ianya membantu bakal-bakal guru untuk menjadi lebih kreatif supaya boleh mendidik pada masa hadapan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pementasan drama ini. Saya amat bersyukur kerana berkumpulan dengan ahli-ahli yang sentiasa bertimbang rasa dan tidak kekok dalam memberi tunjuk ajar dalam lakonan. Saya amat berterima kasih kepada Dr Zuhair serta pensyarah-pensyarah lain yang telah banyak memberi tunjuk ajar cara yang betul untuk pementasan drama supaya ianya nampak seperti pelakon teater yang sebenar yang melakonkan watak-watak tersebut.

Saya percaya pementasan drama ini bukannya diwujudkan bagi menambah beban kepada para pelajar tetapi melatih mahasiswa dan mahasiswa untuk menjadi lebih kreatif. Seperti yang kita tahu, sistem pendidikan pada masa hadapan akan lebih mencabar. Bakal-bakal guru akan dicabar dengan cara pengajaran yang lebih kreatif supaya para pelajar tidak akan menjadi bosan dengan sistem pendidikan yang sedia ada. Saya percaya yang suatu hari nanti, saya dapat mengaplikasikan apa yang telah saya pelajari dalam proses pengajaran saya kelak.

Memenangi anugerah pelakon terbaik, pengarah terbaik, pelakon wanita terbaik dan poster terbaik merupakan anugerah hasil daripada titik peluh semua ahli. Kesemua ahli sangat mengambil berat akan tugas ini bukan kerana ianya dianggap sebagai satu beban tetapi kerana keseronokan memperoleh pengalaman yang tidak semua pelajar di university mampu peroleh sepanjang tahun pengajian. Ianya menaikkan motivasi bukan sahaja kepada kumpulan saya tetapi untuk semua kumpulan supaya berusaha dengan lebih gigih lagi pada masa akan datang.

## **7.4 REFLEKSI RESPONDEN 3**

### **AINUL BASYIRAH BINTI ZAINUDDIN (143425)**

Saya mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kursus ini kerana memberi peluang untuk membuat pementasan teater yang bertemakan cerita rakyat lagenda dan mitos di Malaysia.. Pada pendapat saya, pementasan teater ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada bakal-bakal guru tentang kemahiran komunikasi. Melalui pementasan teaterini, saya diperlu menggunakan bahasa yang sesuai untuk berkomunikasi dalam pementasan iaitu aspek penggunaan bahasa klasik dalam pementasan drama teater. Secara tidak langsung, penglibatan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus ini dapat mengaplikasikan kemahiran komunikasi yang dipelajari semasa kuliah dan tutorial. Ini sangat membantu saya meningkatkan kemahiran komunikasi bersama ahli kumpulan. Penggunaan bahasa yang sopan sangat penting ketika bercakap mahupun mempersembahkan sebuah pementasan agar hubungan sesama kita baik. Seterusnya, pementasan teater dapat mengasah bakat para pelajar dalam mempersembahkan sebuah pementasan teater yang baik. Saya dan ahli kumpulan perlu menghayati perwatakan watak sebaik mungkin demi melancarkan proses pementasan sama ada sebelum, semasa mahupun selepas pementasan. Ini dapat mencungkil kemahiran dan bakat ahli kumpulan terutamanya dalam melakonkan watak utama dan menghasilkan props yang menarik dan bersesuaian.

Di samping itu, saya bersyukur kerana dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan saya memandangkan kami mempunyai persefahaman yang baik setelah lama mengenali diri masing-masing sepanjang kelas kuliah, tutorial, latihan teater dan projek di sekolah. Justeru, kami telah berjaya mendapatkan anugerah kumpulan terbaik dan poster terbaik hasil daripada kerja kuat dan kesabaran setiap ahli kumpulan sepanjang proses persediaan dan pementasan teter Mahsuri.

Kesimpulannya, saya dapat mengendalikan cabaran dengan bantuan dan nasihat ahli kumpulan serta tunjuk ajar oleh mereka yang lebih mahir dalam pementasan teater ini. Saya juga gembira kerana dapat memanfaatkan sedikit kemahiran saya dalam menyediakan props contohnya, membuat tengkolok untuk trailer dan bingkai gambar daripada bahan terbuang. Saya juga dibantu oleh ahli kumpulan sepanjang proses menyediakan props yang baik.